

Ahli-ahli DAP 'kurang sebij' — PM

KUALA LUMPUR 8 Mac— Dewan Rakyat hari ini riuh rendah apabila Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan ahli-ahli DAP 'kurang sebij' kerana bersikap berdolak-dalik dalam menyokong isu pindaan rang undang-undang menghapuskan imuniti raja-raja.

Perdana Menteri berkata, parti itu tidak ada prinsip langsung dan takut untuk menyatakan pendirian atau menyokong rang undang-undang tersebut kerana mendapat arahan Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang.

"DAP kekurangan 'sebij' kerana takut untuk menyatakan pendirian mengenai rang undang-undang ini," katanya diikuti gelak ketawa ahli-ahli Dewan yang lain pada persidangan Khas Parlimen membahaskan Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan di Dewan Rakyat, hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika bangun menjawab pertanyaan Lim Guan Eng (Kota Melaka) yang meminta Perdana Menteri menjelaskan bentuk tindakan yang telah diambil mengenai dakwaan Tengku Mahkota Johor merogol seorang wanita Melayu seperti yang dilaporkan oleh Shahidan Kasim pada persidangan khas Parlimen 19 Januari lalu.

Lim Guan Eng kemudian bangun meminta Perdana Menteri menimbang balik kata-katanya itu kerana tidak manis bagi seorang Perdana Menteri mengeluarkan kata-kata demikian.

Dr. Mahathir bangun dan berkata, "saya kata

'sebij'...dia yang tafsir lain," sambil disambut dengan gelak ketawa ahli-ahli Dewan.

Perdana Menteri berkata, ahli-ahli DAP cuba menimbulkan isu lain untuk mengelakkan tuduhan bahawa mereka tidak menyokong usul pindaan semasa ia dibentangkan kali pertama pada 18 dan 19 Januari lalu.

"Kita tahu ini adalah arahan dari Tanjong (Lim Kit Siang). Bila Tanjong ada, ahli DAP lain tidak bercakap. Saya perhati bila ketua keluar, semua ikut keluar.

"Ini arahan kenapa DAP tidak sokong rang ini pada kali pertama, konon dulu raja tidak setuju, kini raja setuju...DAP setuju," ujarnya lagi.

Dr. Mahathir menegaskan jika kerajaan tidak membawa usul tersebut ke Dewan Rakyat, hari ini mungkin raja-raja tidak sokong (usul menghapuskan imuniti mereka).

Beliau berkata, jika kerajaan Barisan Nasional tidak membuat langkah mula, keadaannya tidak seperti hari ini.

"Jika ikut cara DAP, sampai bilapun tidak dapat buat," katanya.

Secara berseloroh, Perdana Menteri berharap Lim Guan Eng dapat menggantikan bapanya sebagai Setiausaha Agung DAP kerana katanya jawatan itu adalah 'keturunan'.

Sebelum itu Lim Guan Eng bertikam lidah dengan Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba apabila Ghafar bertanya mengenai langkah DAP jika Majlis Raja-Raja terus tidak memberi perkenan kepada pindaan tersebut.